

08/05/1997

Internet awam memudahkan rakyat

SEBAGAIMANA kita semua maklum, projek perintis kerajaan elektronik dalam perkhidmatan awam akan dilaksanakan September ini menerusi pengenalan kios elektronik di beberapa tempat tumpuan orang ramai. Pelaksanaan kerajaan elektronik ini seperti yang dirancangkan, adalah satu daripada tujuh aplikasi penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Ogos tahun lalu.

Sistem kios elektronik itu meliputi kios maklumat (Infokios) dan kios pembayaran. Infokios boleh digunakan untuk mendapat maklumat latar belakang jabatan dan agensi, pelancongan dan industri di tempat tertentu. Kios pembayaran pula akan mengendali pelbagai urusan seperti urusan cukai tanah, denda kesalahan trafik, memperbaharui lesen memandu dan cukai jalan, permohonan pasport serta mendapatkan borang memasuki maktab dan universiti.

Pada peringkat awal, ia dilaksanakan di Lembah Klang dan jika sambutan dan kejayaannya memberangsangkan, akan diperluaskan ke bandar lain di seluruh negara. Kita yakin melalui penggunaan kios elektronik ini, ia akan memberi manfaat dari segi kecepatan proses dan menjimatkan waktu orang ramai. Pasti perkhidmatan kerajaan akan lebih cekap, berkualiti tinggi dan kos yang rendah kerana ia dikendalikan secara on-line. Di samping itu, ia juga dapat memperkukuhkan keselamatan data, menjamin kerahsiaan dan mewujudkan ketelusan melalui dokumentasi yang baik. Lantaran itu pengguna boleh datang ke kios itu bila-bila masa mengikut kelapangan mereka untuk menjalankan urusan dan mendapat maklumat.

Kita difahamkan, kios itu tidak menyediakan kemudahan Internet untuk membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat komersil. Lantaran itu, bagi pengguna yang tidak berkeupayaan mempunyai perkakasan komputer, adalah sukar bagi mereka mendapatkan perkhidmatan itu.

Di Amerika Syarikat, sesebuah syarikat kini boleh menawarkan saham mereka kepada orang awam menerusi Internet tanpa menggunakan bursa saham. Seperti yang sudah dijangka, inilah satu-satunya perkembangan penting dalam dunia teknologi maklumat kini yang mempunyai banyak implikasi kepada urusan perniagaan dan kehidupan seharian kita. Selain akses kepada maklumat, jika penawaran saham pun boleh menjadi kenyataan melalui Internet, pastinya urusan yang menjangkau pasaran antarabangsa boleh dikendalikan dengan mudah.

Sehubungan itu kita perlu akur kepentingan Internet yang semakin menjadi instrumen penting bagi kehidupan dekad mendatang. Sebagai negara yang pantas bergerak mencapai status maju, kita tidak mahu golongan rakyat tertentu saja berpeluang menggunakan khidmat itu. Kita mahu setiap lapisan, walaupun tidak mempunyai peralatan asas komputer, masih berpeluang menikmati perkhidmatan internet. Sehubungan itu, kita sangat mengalu-alukan langkah syarikat swasta memperkenalkan mesin kios Internet untuk kemudahan ramai. Kemudahan yang dikenali 'NetCard Channel' itu diperkenalkan oleh Netcard Corporation Sdn Bhd, syarikat yang beribu pejabat di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil.

Mesin kios Internet dengan tapak web awam (public website), NetChannel menyediakan akses berbentuk komunikasi, maklumat dan transaksi menerusi Internet. Ia mengandungi empat saluran antaraktif iaitu 'NetEntertainment', 'NetTraveller', 'NetGeneration' dan 'NetShop', semuanya menyediakan kandungan antaraktif daripada maklumat, hiburan, berita pelancongan dan budaya siber.

Kita difahamkan perkhidmatan itu adalah antara yang pertama seumpamanya di rantau ini. Usaha ini secara tidak langsung membuktikan rakyat kita mempunyai inovasi tersendiri khususnya dalam mengambil kesempatan daripada ledakan teknologi maklumat di peringkat antarabangsa. Kita percaya bahawa pengaliran teknologi maklumat tidak seharusnya terhad kepada mereka yang mampu `membelinya' saja malah perlu merangkumi semua peringkat masyarakat menerusi perkhidmatan seperti ini selaras dengan usaha kerajaan mewujudkan masyarakat bermaklumat di Malaysia.

Walaupun diakui ada sesetengah pihak yang menggunakan Internet untuk mengagih bahan lucah, kebaikan Internet dari segi maklumat yang dapat diperolehi jauh melebihi keburukannya. Jika rakyat dapat dilatih dari sekarang untuk membiasakan diri mereka dengan gedung ilmu yang dapat diperolehi melalui rangkaian ini, kita percaya mereka akan dapat melengkapkan diri sepenuhnya untuk menghadapi cabaran abad ke-21.

(END)